

## ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR POLITEKNIK 2015





03



05



08



10

151

# KANDUNGAN



18



23



29



36

# Tahniah.....

## Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik 2015



“Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik 2015 (AKEPP) telah berlangsung dengan megahnya di Politeknik Nilai pada 21 April 2016 yang lalu. Majlis penganugerahan ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Datuk Seri Idris Jusoh. AKEPP merupakan majlis tahunan bagi Politeknik Malaysia bagi menghargai pelajar politeknik seluruh Malaysia yang bergiat cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Dengan bertemakan ‘Paradise Garden’ dekorasi dari Jabatan Agrotekn dan Bio-Industri Politeknik Nilai menampakkan kelainan dan menambah seri pada majlis ini.



# Tahniah.....



Tahniah kepada Siti Aishah Mohd. Khir Hadi, dari Politeknik Ibrahim Sultan, Johor yang telah merangkul Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi dengan meraih wang tunai RM3000, iPad, komputer riba, baucer takaful bernilai RM100, piala dan juga sijil. Beliau juga memenangi Anugerah Kecemerlangan Inovasi pada majlis anugerah ini. Anugerah Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik pula dimenangi oleh Mohd. Adly Safwan Abd. Rashid dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor manakalah Mohd. Jeffry Zainudin dari Politeknik Ibrahim Sultan merangkul Anugerah Kecemerlangan Kesukarelawan.



Dua anugerah telah dimenangi oleh pelajar Politeknik Nilai iaitu Anugerah Kecemerlangan Keusahawanan oleh saudara Samsol Bahari bin Hamdan dan Anugerah Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik, oleh Saudara Izzudin Bin Zaidi.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang. Semoga pencapaian terbaik mereka ini memangkin semangat dan menjadi inspirasi kepada pelajar politeknik untuk terus cemerlang.

# Tahniah.....

## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Zon Selatan

Disediakan oleh Quyrul Zeta Ishak



Bil	POLITEKNIK	JUMLAH
1	POLITEKNIK PORT DICKSON	37
2	POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN	40
3	POLITEKNIK MELAKA	18
4	POLITEKNIK MERLIMAU	40
5	POLITEKNIK NILAI	13
6	POLITEKNIK MERSING	9
7	POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU	4
8	JUMLAH KESELURUHAN	161

### PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2015 POLITEKNIK NILAI

Bil	NAMA
1	ISDAWATI BINTI ISMAIL
2	QUYRUL ZETA ISHAK
3	KHAIRUL NIZAM BIN KAMARUDDIN
4	NORSHAZILA BINTI SENAWI
5	SARRUNNIDA BINTI AHMAD ZAINE
6	SITI NOORAIN BINTI AWALLUDIN
7	YUSRI BIN YUSOF
8	HAZWANI BINTI HUSAIN
9	NORZAMANI BIN HUSSIN
10	ABDUL JAMAL BIN NORDIN
11	MOHD ZAMRI BIN MUHAMAD
12	SIRI AISAH BINTI ABDUL RAZAK
13	MOHD ISA BIN ABDULLAH

# Tahniah.....

## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Zon Selatan

DEWANSRIPUTRAPOLITEKNIKNILAI,26MEI2016-AnugerahPerkhidmatanCemerlangan(APC)yangditerima olehPenjawatAwamseharusnya digalassebagaiamanahdancabaranuntukterusmemberikomitmenbaik.

Berucap di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, (APC) Zon Selatan 2015, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Datuk Haji Mokhlis Bin Jaafar berkata anugerah ini hanya satu langkah permulaan dan ia perlu bergerak seiring dengan penyampaian perkhidmatan berkesan, kecekapan tadbir urus yang baik dan mengutamakan budaya kerja cemerlang.

Tambah beliau, kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan sesebuah organisasi. Kecemerlangan seharusnya diterapkan dalam budaya kerjasama sepasukan.

Dalam pada itu, 161 warga Politeknik Zon Selatan yang telah menerima APC. Anugerah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Datuk Haji Mokhlis Bin Jaafar



The one exclusive sign of thorough knowledge is the  
power of teaching.

Aristotle



**JKM**

**JABATAN  
REJURUTERAAN  
MERANIRAL**

# Majlis Persaraan En Agus

Disediakan oleh Saifa Masfuza Salan



Majlis Persaraan En Agus Bin Dollah telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanika; pada 17 Mei 2016 yang lalu. Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa-jasa yang telah ditabur oleh En Agus sepanjang berada di dalam perkhidmatan khususnya di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Majlis dimeriahkan dengan kehadiran semua warga politeknik nilai dan menjadi harapan agar majlis ini juga mampu menguatkan ukhwah di antara semua staf politeknik nilai diperingkat jabatan mahupun unit. Terima kasih buat En Agus atas sumbangan ilmu dan juga tenaga sepanjang berada disini. Semoga En Agus diberi kehidupan dan kesihatan yang baik.



## Jasamu Dikenang...



MUTIARA KATA

“I have not failed. I’ve just found 10,000 ways that won’t work.” ~ Thomas Edison



JAB

**JABATAN  
AGROTEKNOLOGI  
DAN BIO-INDUSTRI**

# Program 'Finishing School' Pelajar Semester Akhir Diploma Bioteknologi

Disediakan oleh Lovely Shamini A/P manoharan



Selaras dengan perkembangan dunia global pada hari ini, tugas IPT adalah untuk memastikan pendidikan dan latihan yang diberikan kepada bakal siswazah adalah berlandaskan kehendak pasaran (market-driven) dan juga bersifat responsif kepada perubahan keperluan pelbagai sektor dalam pasaran ekonomi negara. Kebolehpasaran dalam konteks KPTM ialah melahirkan graduan yang berkebolehan dan memiliki kompetensi yang diperlukan. Ini memberi kesan ke atas semua aspek kehidupan di dalam kampus. Sehubungan dengan ini, pihak KPTM telah menjadikan isu kebolehpasaran graduan ini sebagai salah satu agenda kritikal dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan ianya juga adalah salah satu Bidang Keberhasilan Utama (KRA) bagi KPTM. Justeru itu, program Diploma Bioteknologi telah menyahut saranan dari KPT untuk mengadakan "Finishing School" yang bertajuk "Graduate Employability Programme". Program Diploma Bioteknologi Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri Politeknik Nilai telah mengadakan 'Finishing School' bertajuk Program 'Graduate Employability' untuk semua pelajar semester akhir Diploma Bioteknologi iaitu DBT 5A dan DBT 6A. Program tersebut telah berlangsung selama 5 hari iaitu dari 21 April hingga 25 April 2016 bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Program ini adalah kolaborasi bersama di antara Program Diploma Bioteknologi, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri, Politeknik Nilai, Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Bioteknologi, Universiti Malaysia Pahang. Seramai 68 orang dari semester 5 dan 6 program Diploma Bioteknologi telah menghadiri program ini. Tujuan 'finishing school' ini dilaksanakan untuk pelajar-pelajar semester akhir adalah UNTUK membolehkan mereka memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industry. Selain itu, program ini dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada graduan agar mereka mendapat peluang yang lebih cerah dalam menempuh persaingan dunia pekerjaan.

Antara modul yang dipilih adalah Bengkel "Get The Job", "Corporate Grooming", "Personality and Communication" dan "Biotechnology Industry Update (BIO101)". Untuk modul "Biotechnology Industry Update (BIO101)", Pengarah Eksekutif Pusat Informasi Bioteknologi Negara (MABIC), Dr. Mahaletchumy Arujanan telah dijemput untuk menjadi penceramah. Modul ini mengutarakan sebarang maklumat terkini mengenai industri bioteknologi pada masa kini dan juga laluan perjalanan karier dalam bidang bioteknologi. Modul bengkel "Get The Job" pula adalah mengenai penulisan resume, 'cover letter', kemahiran temu duga dan "mock interview". Menurut Pengarah Program "Graduate Employability", Lovely Shamini A/P Manoharan, "program finishing school ini mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dayafikir, kemahiran komunikasi, keyakinan dan memberi faedah atau impak yang besar kepada bakal para graduan.



## Majlis Bacaan Yaasin Dan Jamuan Sempena Penghujung Syaaban

Disediakan oleh Hazwani Husain

Pada 3 Jun 2016 Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil serta jamuan pot-luck telah diadakan di JAB menjelang penghujung Syaaban. Majlis ini dianjurkan oleh Penyelaras Kebajikan Staf, Puan Fairuz. Tetamu jemputan Ustaz Yusri dari Jabatan Pengajian Am telah mengetuai bacaan Yaasin dan Tahlil. Pelbagai juadah yang lazat dan enak telah dibawa serta dihidangkan oleh staf JAB. Semoga program seumpama ini akan diadakan secara berkala demi mengeratkan lagi ukhuwwah sesama staf di JAB secara khususnya.



# Lawatan Staf Ke Kilang Beryl's Dan Kilang Yakult

Disediakan oleh Hazwani Husain



31 Mei 2016- Satu lawatan ke kilang Beryl's dan Yakult telah diadakan untuk mengeratkan hubungan rakan sekerja Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri. Program yang dikendalikan oleh Puan Fairuz Binti Yaakob ini telah disertai oleh hampir 40 orang staf JAB dan jabatan lain. Antara pengisian yang diperolehi daripada lawatan di Kilang Beryl's, Sri Kembangan ini adalah cara-cara coklat dihasilkan dan manfaat coklat. Di Kilang Yakult yang terletak di Seremban pula, peserta dibawa melihat proses penghasilan Yakult dan diberi taklimat mengenai kepentingan bakteria baik untuk kesihatan serta sistem pencernaan. Program seumpama ini telah membuka minda para peserta untuk melihat sendiri bagaimana coklat dan minuman Yakult dihasilkan seterusnya mendalami kepentingannya kepada kesihatan.

Disediakan oleh Hazwani Husain



## Biocarrier @ Biomalaysia 2016

1 Jun 2016- Sempena Program BioMalaysia yang berlangsung pada 31 Mei 2016 sehingga 2 Jun 2016 di KLCC, satu talk show Bio 101 telah diadakan. Program talk show ini telah dijayakan oleh dua orang pensyarah JAB merangkap wakil dari Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) Politeknik Nilai iaitu Cik Irmawati Akma Binti Abdul Hapiz dan Encik Mohamad Azlan Yusuff Bin Abdul Rahim. Penglibatan JAB dalam program ini adalah untuk memberikan maklumat mengenai kemasukan pelajar baru ke program Diploma Bioteknologi di Politeknik. BioMalaysia 2016 ini telah mengumpulkan pengamal-pengamal dan peneraju BioMalaysia di Malaysia serta mahasiswa-mahasiswa. Antara aktiviti lain yang diadakan adalah sesi BioCareer LiveShowtime dengan penampilan istimewa oleh Ustaz Don Daniyal.

## Kursus Kecantikan Bersama Mary Kay

Disediakan oleh Hazwani Husain

10 Mei 2016- Satu kursus kecantikan menggunakan produk Mary Kay telah diadakan untuk meningkatkan penampilan diri pensyarah dan imej professional yang kemas serta menarik. Kursus ini diadakan di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan penceramah jemputannya adalah Wan Nooraini Mohamad dari Mary Kay (Malaysia) Sdn. Bhd. Penyelaras PSH JAB, Pn. Siti Nor Zuraini Binti Abdullah @ Razali berkata kursus ini telah mendapat sambutan yang hangat dan akan diadakan untuk siri kedua.





## Floria 2016 @ Putrajaya

Disediakan oleh Hazwani Husain

27 Mei-4 Jun 2016- Bertemakan Ocean Soul, Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri telah menyertai FLORIA tahun 2016 sekali lagi. Magis taman ini adalah pada rekabentuk dunianya yang terbalik iaitu lautan berada lebih tinggi daripada daratan dan efek lampunya yang memukau. Seramai sepuluh orang pelajar daripada program Diploma Hortikultur Lanskap dan empat orang penyelaras telah bertungkus-lumus menjayakan taman berkenaan. Walaupun tidak berjaya membawa pulang apa-apa pingat, semangat sepasukan dan iltizam yang ditunjukkan haruslah dipuji. Semoga semangat laut yang tekal arusnya dalam diam, akan menjadikan kita lebih bersemangat menghadapi cabaran dalam kehidupan.



# Lawatan Penanda Aras Osha Dan Cot Di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

Disediakan oleh Hazwani Husain



10 Mei 2016- Satu lawatan penanda aras OSHA dan COT di Unit OSHA POLISAS dan Unit Teknologi Makanan POLISAS. Antara dapatan yang telah diperolehi adalah perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berdasarkan system OHSAS 18001: 2007 dan MS 1722:2011. Lawatan yang diuruskan oleh Cik Lovely Shamini A/P Manoharan ini disertai oleh semua pensyarah Diploma Bioteknologi, pembantu makmal dan penyelaras OSHA.





Pada 20 April 2016, Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) 2015 telah berlangsung di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan (PNS). Selaku tuan rumah, Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri (JAB) telah ditugaskan untuk merekabentuk sebuah taman untuk tujuan meraih booth pameran inkubator yang ada di PNS. Oleh yang demikian, sebuah rekabentuk taman bertemakan "Paradise" telah dihasilkan.



Idea konsep untuk taman ini diilhamkan melalui elemen pameran inkubator iaitu Madu Lebah Kelulut (Trigona) dan tanaman pokok tin (Ficus carica). Dengan mengambil kira elemen yang wujud di Jannah adalah seperti berikut:

"It is sparkling light, aromatic plants, a lofty palace, a flowing river, ripe fruit, a beautiful wife and abundant clothing, in an eternal abode of radiant joy, in beautiful soundly-constructed high houses". (Ibn Maajah, Ibn Hibbaan)

"Bricks of gold and silver, mortar of fragrant musk, pebbles of pearl and sapphire, soil of saffron. Whoever enters it is filled with joy and will never feel miserable; he will live there forever and never die; their clothes will never wear out and their youth will never fade." (Ahmad, at-Tirmidhi, ad-Daarimee)

## Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik (AKEPP) Paradise Garden

Disediakan oleh Nurzuliza Jamirah



Elemen lain yang juga menggambarkan Jannah adalah seperti sungai-sungai yang di dalamnya mengalir air, arak, susu dan madu. Dengan adanya elemen tersebut maka ilham untuk menghasilkan taman berkonsepkan "Taste of Jannah" Berjaya direalisasikan. Taman ini dihiasi dengan pokok-pokok seperti Rhapsis exelsa, Calathea Lutea, tumbuhan ornamental dan tumbuhan renek yang di semai di PNS. YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melawat tapak pameran dan beliau berpuas hati dengan usaha yang ditunjukkan dalam menghias taman tersebut. Inkubator yang terlibat adalah Poly Agropreneur Hidroponik Salad NFT, Madu Lebah Kelulut (Trigona), Cendawan Tiram Kelabu (Pleurotus ostreatus), Tanaman Ornamental, dan Simen Fero.



MUTIARA KATA

“I have not failed. I’ve just found 10,000 ways that won’t work.” ~ Thomas Edison



**JPAM**

**JABATAN  
PENGGAJIAN AM**

# Program Khidmat Masyarakat di Masjid Kg. Jijan

Disediakan oleh Isdawati Ismail

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am telah mengadakan Iftar bersama komuniti di Masjid Kg Jijan pada 18 Jun 2016. Program ini bermula jam 11.30 pagi dengan gotong-royong untuk menyediakan juadah iftar bagi penduduk kampung dan warga Politeknik Nilai yang hadir. Seramai 30 orang pelajar Politeknik Nilai menghadiri program ini yang mampu menggilap semangat berpasukan dan kebersamaan. Tazkirah ringkas juga turut diadakan dan solat sunat terawih telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Khairil bin Zainal Bahrin.





## Program Khidmat Masyarakat Iftar di Taman Eka Matahari

Disediakan oleh Isdawati Ismail

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai telah mengadakan Iftar bersama komuniti di Taman Eka Matahari pada 25 Jun 2016. Program ini bermula jam 1.30 petang dengan gotong-royong untuk menyediakan juadah iftar bagi penduduk taman dan warga Politeknik Nilai yang hadir. Seramai 35 orang pelajar Politeknik Nilai menghadiri program ini yang mampu menggilap semangat berpasukan dan kebersamaan. Tazkirah ringkas juga turut diadakan oleh Ustaz Mohd Khairil bin Zainal Bahrin




# Kuliah Zohor Sempena Ramadan

Disediakan oleh Isdawati Ismail



Pusat Islam telah menganjurkan kuliah zohor selama empat hari sempena bulan ramadhan. Program ini bertujuan untuk menyedarkan semula iman supaya dapat menjadi mukmin yang bertaqwa dan bertenaga sehingga ke akhir Ramadan. Di antara tajuk yang dikongsi adalah Badar Al-Kubra, Mukjizat Al-Quran , Kelebihan Ramadan dan Indahnyanya berpuasa

Tarikh	Penceramah
22 Jun 2016	<a href="#">Ustaz Mohd Khairil</a>
23 Jun 2016	<a href="#">Ustaz Rusdin Hussin</a>
28 Jun 2016	<a href="#">Ustaz Yusri Bin Yusoff</a>
29 Jun 2016	<a href="#">Dr. Mohd Zuhir Bin Abd Rahman</a>





## Tadarus Al-Quran Ramadan

Disediakan oleh Isdawati Ismail

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai telah menganjurkan Tadarus Al-Quran bertempat di Pusat Islam bermula 19 Jun 2016. Program bermula selepas solat sunat terawih. Program ini bertujuan memupuk semangat cintakan Al-Quran dan merapatkan ukhuwwah di antara ahli Pusat Islam dan pelajar muslim Politeknik Nilai. Sebanyak 8 kumpulan dibentuk untuk menjayakan aktiviti ini bersama Ustaz Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin, Ustaz Rusdin Hussin, En Is Aizat Bin Samsuri dan Ustazah Mastura binti Mamat. Aktiviti yang diadakan termasuk bacaan sehari sejuzuk dan membaca tafsir untuk menambah kefahaman tentang ayat yang dinuzulkan



MUTIARA KATA

“Strength does not come from winning. Your struggles develop your strengths.” ~ Arnold Schwarzenegger



JP

# JABATAN PERDAGANGAN



## Pembelajaran Sepanjang Hayat - Kursus Microsoft Word Intermediate

Disediakan oleh Azalinda Mad Saad

Seramai 202 orang peserta telah mengikuti Kursus Microsoft Word Intermediate yang dianjurkan oleh program DEC. Kursus ini telah dijalankan oleh 9 orang tenaga pengajar dan 10 orang pembantu di Makmal Komunikasi, Makmal Multimedia dan Makmal Pengaturcaraan di Jabatan Perdagangan. Kursus bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran menggunakan Microsoft Word serta mengaplikasikan pengetahuan dalam Microsoft Word untuk menyediakan dokumen seperti surat, memo, flyer, laporan, borang dan sebagainya. Semoga kursus ini dapat memberi manfaat kepada para peserta.



# Program Perkongsian Ilmu Video Editing Pengajaran Dan Pembelajaran

Disediakan oleh Zauyah Azman

E-Learning telah menganjurkan satu program perkongsian ilmu video editing pengajaran dan pembelajaran pada 30 Mei 2016 yang lepas bertempat di makmal Multimedia Politeknik Nilai. Program ini disertai oleh 40 orang pensyarah dari semua jabatan. Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan serta kemahiran teori dan amali mengenai filem/video. Selain itu, program ini adalah untuk memperkenalkan kefahaman berkenaan pengeditan video.




Penceramah program ini adalah Encik Muhammad Alif Akram Bin Mohamad Idrus dan Encik Muhamad Asraf Bin Masli yang merupakan pelajar USIM yang sedang menjalani praktikal di UICT, Politeknik Nilai. Selain dari berkongsi ilmu penggunaan Sony Vegas ini, penceramah turut berkongsi serba sedikit pengalaman dan ilmu mengenai elemen-elemen multimedia dengan para peserta program.

Kesan dan sumbangan daripada program ini diharapkan pensyarah dapat memahami dengan lebih baik proses produksi video dan seterusnya dapat menghasilkan video pengajian dan pembelajaran mengikut program pengajian masing-masing. Impak program ini adalah video tersebut dapat digunakan dalam proses-proses pengajian dan pembelajaran dan dalam video pelaporan untuk capai KPI politeknik.







## Program Perkongsian Ilmu Mooc (Massive Open Online Courses)

Disediakan oleh Zauyah Azman

E-Learning telah menganjurkan satu program perkongsian ilmu MOOC (Massive Open Online Courses) pada 14 Jun 2016 yang lepas. Program ini disertai oleh 40 orang pensyarah dari semua jabatan. Objektif program ini adalah untuk memberi pengenalan mengenai Open Learning dan MOOC. Selain itu, program ini bertujuan membangunkan platform MOOC menggunakan aplikasi openlearning. Program ini dijalankan di Makmal Bahasa 1, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai.

Penceramah program ini adalah Cik Jasmine Binti Jamaluddin yang merupakan pegawai MOOC bagi Politeknik Nilai. Kesan dan sumbangan daripada program ini pensyarah dapat memahami dengan lebih baik mengenai Open Learning dan MOOC serta dapat membangunkan platform MOOC menggunakan aplikasi openlearning. Sumbangan untuk politeknik, platform tersebut dapat digunapakai dalam proses-proses pengajian dan pembelajaran, memasuki pertandingan CIDOS dan untuk capai KPI politeknik.

Role	Task
Administrator: the main technical administrator of a particular course	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Set classes for individual polytechnic</li> <li>- Set up platform for institution</li> <li>- Troubleshoot any technical issues</li> <li>- Set up courses (technical)</li> <li>- Give training to the educator and teachers</li> </ul>
Educator: the administrator of a particular course (MOOC Educator)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Monitor performance of individual institution</li> <li>- Assist teachers in administrating the course</li> <li>- Report progress of individual institution</li> <li>- Develop course content (new course)</li> <li>- Send reminders to teachers</li> </ul>
Teacher: the administrator of a particular institution (one per institution) (MOOC Leader)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Invite the students</li> <li>- Monitor students' performance</li> <li>- Inform students' progress to the tutors</li> </ul>

MUTIARA KATA

“Success is not the key to happiness. Happiness is the key to success. If you love what you are doing, you will be successful.”

~ Albert Schweitzer

The logo for Universitas Padjadjaran (UPi) is centered in a white circle with a dark blue border. The letters 'UPi' are written in a stylized, blue, handwritten font. The background of the entire page features a complex, abstract geometric pattern of overlapping triangles and lines in various shades of blue and purple, creating a network-like or crystalline structure.

UPi

**UNIT PENELITIAN  
DAN INOVASI**

# PNS Berjaya Memperolehi Geran PPRN bagi Kelompok Januari dan Februari 2016

Disediakan oleh Ahmad Razimi Bin Mat Lazim

28 April 2016 – Dua projek penyelidikan di bawah geran Public-Private Research Network atau (PPRN) kelompok Januari dan Februari 2016 telah berjaya diperolehi oleh Politeknik Nilai. Geran PPRN adalah satu geran jangka pendek (maximum 6 bulan ) dengan had pembiayaan sehingga RM 50,000 iaitu nisbah 70% (projek), (25 % penyelidik) dan (5 % institusi). Penyelidikan Geran PPRN bulan Januari dibawah tajuk Egg Incubator untuk syarikat Mohammad Zuridi Sulaiman Enteprise yang diketuai oleh penyelidik En Taufik Rezza Bin Mohd Foudzi dan Projek penyelidikan bulan Februari dibawah tajuk Fully Automation System for Kebab Ayam & Kebab Daging Marinated & Precooked untuk syarikat MALINJA DONER KEBAB & BAKERY SDN BHD yang diketuai oleh penyelidik En Taufik Rezza Bin Mohd Foudzi.

28 April 2016 – Dua projek penyelidikan di bawah geran Public-Private Research Network atau (PPRN) kelompok Januari dan Februari 2016 telah berjaya diperolehi oleh Politeknik Nilai. Geran PPRN adalah satu geran jangka pendek (maximum 6 bulan ) dengan had pembiayaan sehingga RM 50,000 iaitu nisbah 70% (projek), (25 % penyelidik) dan (5 % institusi). Penyelidikan Geran PPRN bulan Januari dibawah tajuk Egg Incubator untuk syarikat Mohammad Zuridi Sulaiman Enteprise yang diketuai oleh penyelidik En Taufik Rezza Bin Mohd Foudzi dan Projek penyelidikan bulan Februari dibawah tajuk Fully Automation System for Kebab Ayam & Kebab Daging Marinated & Precooked untuk syarikat MALINJA DONER KEBAB & BAKERY SDN BHD yang diketuai oleh penyelidik En Taufik Rezza Bin Mohd Foudzi.



MUTIARA KATA

Good fortune is what happens when opportunity meets with  
planning.” ~ Thomas Edison




**URK**

# **UNIT RAUNSELING DAN KERJAYA**

# Kem Motivasi & Kepimpinan Kelab Pembimbing RakanSebaya

Disediakan oleh Noorhamiza KB,Pa, CH,CHT



Kem motivasi dan kepimpinan PRS bertempat di kem el-azzhar, morib diadakan bertujuan untuk membina semangat berpasukan di kalangan ahli PRSP yang terdiri daripada 25 orang. Puan Noorhamiza binti Jusoh selaku penceramah bersama kaunselor pelatih dan Cik Nurul Shahada Bt Mohd Hashim selaku pengiring turut menghadiri kem ini bersama ahli-ahli PRS. Pelbagai aktiviti yang menarik dijalankan termasuklah beberapa aktiviti "extreme outdoor" iaitu "flying fox" dan "high rope" serta kayak. Kursus motivasi ini juga diadakan dengantujuan mengenali siapasebenarnya seorang bakal fasilitator dan apakah kefahaman ahli PRS initentang fungsi PRS (pembimbing rakan sebaya) ditubuhkan. Walaupun pesera kem letih kerana menjalani pelbagai aktiviti yang diadakan namun, kenangan yang terindah turut tersimpan disebalik senyuman ahli-ahli PRS ini.



# Program Motivasi “Demi Cinta Dan Cita-Cita”

Disediakan oleh Noorhamiza KB,Pa, CH,CHT

Setiap individu akan berhadapan dengan pelbagai konflik dan ia wujud dalam semua keadaan tidak kira, gender, peringkat umur, status, kedudukan ekonomi dan sebagainya. Pernyataan ini seolah-olah menunjukkan kita tidak boleh lari daripada konflik. Oleh itu, sebagai remaja, pelajar perlu membuat persediaan diri dan minda dan menguasai kemahiran soft skill bagi membantu diri menguruskan konflik dengan lebih efektif.

Faktor yang menjadi penyumbang utama kewujudan konflik adalah ketidaksampaian kehendak, andaian, pengetahuan, ekspektasi dan pegangan serta prinsip hidup. Bagi remaja konflik seringkali berlaku samada konflik dalaman (dalam diri), konflik luaran (kawan, keluarga atau pensyarah). Cara pengurusan konflik yang tidak betul boleh menyebabkan pelajar berada dalam keadaan stress, tidak terkawal dan juga putus asa. Ada setengah remaja memilih untuk menyelesaikan konflik mereka dengan jalan yang salah





Disediakan oleh Noorhamiza KB,Pa, CH,CHT

## Program Motivasi Segalanya Bermula Disini

Setiap kali pembukaan semester baru, satu Program Kenali Diri Anda :Ujian Psikometrik dijalankan untuk para pelajar terutamanya pelajar semester satu. Pada sesi ini Unit Psikologi Dan Kerjaya telah menjalankan Ujian Psikometrik Inventori Personaliti Sidek kepada pelajar semester satu dan Inventori Personaliti Warna untuk pelajar semester dua. Program ini juga merupakan salah satu tugas yang wajib dilaksanakan dalam kalendar Sistem Penasihat Akademik. Psikometrik ialah satu bidang yang berkaitan dengan teori dan teknik dalam pengukuran pendidikan dan psikologi yang merangkumi pengukuran pengetahuan, kemampuan, sikap dan personaliti. Pentaksiran psikometrik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kemampuan kekuatan, kelemahan, bakat, potensi minat dan personaliti bagi tujuan memperkembangkan potensi diri dan pertumbuhan individu.

MUTIARA KATA

“We choose our joys and sorrows long before we experience them.” ~ Kahlil Gibran



HEP

UNIT HAL EHWAL  
PELAJAR



# Ceramah Pendidikan Politeknik di PLKN Princess Haliza

Disediakan oleh En Shuharzi Bin Md Salleh

Pada 23 April 2016 pihak Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kem PLKN Princess Haliza, Sepang telah menjemput Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PNS untuk memberikan ceramah pendidikan Politeknik bagi pelatih PLKN Kumpulan 1 Siri 13/2016. PNS diwakili oleh 2 orang pegawainya iaitu En A Jalil Bin Md Zain (KJHEP) dan En Shuharzi Bin Md Salleh (PHEP) yang telah memberi penerangan berkaitan program dan kemasukan di Politeknik kepada 342 orang pelatih. Sesi yang mengambil masa selama 2 jam ini memberi peluang kepada pelatih untuk lebih memahami dan mengenali program serta Politeknik Malaysia amnya dan Politeknik Nilai khususnya.





## Karnival Pendidikan Tinggi Negara

Disediakan oleh En Shuharzi Bin Md Salleh

Politeknik Nilai (PNS) telah dipilih sebagai urusetia bersama untuk program Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) kali ke-12, Zon 6 yang telah berlangsung pada 2 dan 3 April 2016 bertempat di Dataran Gemilang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Seramai 14 orang pegawai dan 16 orang pelajar dari PNS terlibat dalam program ini. Penyertaan Politeknik dalam Program outreach ini adalah bagi menyebarkan maklumat berkenaan program yang ditawarkan, syarat kemasukan ke Politeknik dan kaedah permohonan. KPTN kali ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh.



# Jelajah Pendidikan Bumiputra 2016

Disediakan oleh En Shuharzi Bin Md Salleh

Politeknik Nilai telah menyertai pameran pendidikan Politeknik sempena Program Jelajah Pendidikan Bumiputera Tahun 2016 yang telah dianjurkan oleh Gerakan Pendidikan Bumiputera Malaysia dengan kerjasama Yayasan Destini Anak Bangsa & Koprojaya. Program Jelajah Pendidikan Bumiputera 2016 ini merupakan projek khas YAB Perdana Menteri untuk mencari dan mengenal pasti sasaran 150,000 orang pelajar bumiputera yang tercicir di seluruh negara melibatkan 42 parlimen tumpuan bagi melanjutkan pengajian di Institusi pendidikan terpilih. PNS melalui 2 orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah menyertai 2 program jelajah ini yang bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil pada 1 April 2016 dan di Institut Latihan Perindustrian, Pedas pada 29 April 2016.





## Program Explorasi Samudera Majlis Perwakilan Pelajar 2016

Disediakan oleh En Shuharzi Bin Md Salleh

Pengurusan organisasi sangat penting dalam menentukan kejayaan dan pencapaian sesuatu matlamat organisasi. Menyedari perlu pentingnya persediaan ke arah perkara ini, Politeknik Nilai telah melaksanakan Program Explorasi Samudera Majlis Perwakilan Pelajar 2016 (Pengurusan Organisasi dan Kepimpinan Berkesan Majlis Perwakilan Pelajar PNS) di Pusat Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu, UMT Pulau Bidong, Terengganu pada 24 – 26 April 2016. Seramai 19 orang ahli Majlis Perwakilan pelajar telah terlibat. Turut bersama bagi program kali ini adalah Tuan Pengarah sendiri, Lt. Kol. (Pa) Hj. Mohamad Amin Bin Hamat, dan dua orang wakil dari Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik, iaitu Encik Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria, Pengarah dan Encik Mohd Khairulhazlan Bin Mohamed Zam, Penolong Pengarah Kanan serta 25 orang staf Politeknik Nilai.



---

*Politeknik  
Nilai  
Negeri  
Sembilan*